



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS INTERTEKSTUALITI DALAM *PUISI DINYANYIKAN*
KARYA TAUFIQ ISMAIL

HABIBURRAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Penyelidikan ini memfokuskan puisi-puisi keagamaan *Nyanyian Puisi, Puisi Yang Dinyanyikan* oleh Taufiq Ismail, yang terhimpun dalam buku *Mengakar ke bumi Menggapai ke langit 1* (1953-2008) yang begitu terkenal dalam kalangan masyarakat Indonesia. Tiga objektif utama ialah mengenal pasti hubungan puisi-puisi tersebut dengan teks al-Quran dan Hadis, menghurai lapisan makna yang tersirat, serta mengkaji prinsip intertekstualiti yang terdapat dalam kumpulan puisi berkenaan. Pendekatan kualitatif digunapakai dalam kajian ini, manakala kaedah kajian diimplimentasi menerusi kajian kepustakaan. Sejumlah 92 puisi dianalisis berpandukan teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva. Kajian ini menyimpulkan bahawa hampir kesemua puisi keagamaan Taufiq Ismail memiliki pengaruh daripada teks al-Quran dan al-Hadis. Dalam konteks teori intertekstualiti, prinsip transformasi adalah yang paling dominan diikuti prinsip ekspansi, modifikasi, haplologi dan paralel. Selain itu, pemilihan perkataan yang tepat dalam puisi ini turut menyerlahkan makna-makna baharu dari aspek akidah, syariah, ibadah, akhlak, muamalah serta sejarah umat Islam. Hal ini sekali gus mempertajam dan memperkaya makna puisi-puisi tersebut. Implikasi kajian menunjukkan bahawa puisi-puisi keagamaan yang berteraskan nilai-nilai Islami memiliki kekuatan tersendiri serta dapat menjadi wadah dalam menyampaikan risalah dakwah.





AN INTERTEXTUALITY ANALYSIS IN *PUISI DINYANYIKAN* ANTHOLOGY BY TAUFIQ ISMAIL

ABSTRACT

This study is focused on religious poetry Nyanyian Puisi, Puisi Yang Dinyanyikan by Taufiq Ismail, as collected in a book popular among Indonesian society Mengakar Ke bumi Menggapai Ke Langit (1953-2008). The three main objectives are to discover the relationship of these poems to the Quranic and Hadis texts, describe the different levels of implicit meaning and the principles of intertextuality in the poems. The qualitative approach is used in this study whereas the methodology is done through library research. A total of 92 poems is selected based on the theory of intertextuality introduced by Julia Kristeva. This study concludes that almost all of the religious poems by Taufiq Ismail, has been influenced by the Quranic and Hadis texts. From the context of intertextuality theory, the principles of transformation are dominant followed by the principles of expansion, modification, haplology and parallelism. Apart from that, the appropriate choice of words in these poems has highlighted new meanings from the aspects of Islamic faith, laws, worship, moral and economic activities including the history of the Muslims, thus enriching the meaning of the poems. The implication of this study shows that religious poems based on Islamic values has the strength and the ability to Islam propagate.



**KANDUNGAN**

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI TRANSLITERASI	xvi
 BAB 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Bahan dan Batasan Kajian	12
1.7 Kaedah Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.9 Kesimpulan	19
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	 20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian Lepas Terhadap Karya-karya Taufiq Ismail	20





4.2.1.3 Kita Semua Milik Allah 67

4.2.1.4 Larangan Menyekutukan Allah 70

4.2.1.5 Semua Tunduk Kepada Sunnah Allah 78

4.2.2 Iman Kepada Malaikat 81

4.2.3 Iman Kepada Kitab Allah 83

4.2.4 Iman Kepada Utusan Allah 86

4.2.4.1 Sifat Mulia Rasul 87

4.2.4.2 Rindu Rasul 92

4.2.4.3 Rahmat Bagi Seluruh Alam 93

4.2.4.4 Mukjizat dan Keistimewaan Para Rasul 96



4.2.5 Iman Kepada Hari Akhir 100

4.2.5.1 Ingat Dosa Tanda Ingat Akhirat 101

4.2.5.2 Bandingan Dunia dengan Akhirat 104

4.2.5.3 Mengejar Syurga 105

4.2.5.4 Yang Mencari Dunia dan Yang Mencari Akhirat 107

4.2.5.5 Sebuah Peristiwa Menggetarkan di Hari Kiamat 110

4.2.5.6 Pintu Syurga 112

4.2.5.7 Mengharap Syafaat Nabi di Akhirat 115

4.2.5.8 Hakikat Neraka 117

4.2.5.9 Suara dari dalam Kubur 119

4.2.5.10 Titian Serambut Dibelah Tujuh 121

4.2.6 Iman Kepada Takdir 124





4.3	Teks-teks Al-Quran dan Hadis dalam <i>Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi</i> Berdasarkan Kandungan Syariah dan Ibadah	126
4.3.1	Syahadat	127
4.3.2	Solat	129
4.3.2.1	Tidak Menunda Melaksanakan Solat dan Ibadah Lainnya	131
4.3.2.2	Panggilan Azan	133
4.3.2.3	Solat Sepanjang Hidup	135
4.3.3	Zakat	137
4.3.4	Puasa	139
4.3.5	Haji	143
4.3.6	Hukum Syariat yang Lain	145
4.3.6.1	Menutup Aurat	146
4.3.6.2	Memerangi Dadah	148
4.3.6.3	Menjaga Rezeki Yang Halal daripada Yang Haram	150
4.3.7	Ibadah yang Lain	152
4.3.7.1	Doa Inti Ibadah	153
4.3.7.2	Nikmatnya Ibadah	155
4.3.7.3	Zikir Tanpa Putus-putusnya	156
4.3.7.4	Ikhlas Kerana Allah	158
4.3.7.5	Nikmat Ramadhan	159



4.3.7.6 Merayakan Hari Raya Aidilfitri 161

4.4 Teks-teks Al-Quran dan Hadis dalam *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* Berdasarkan Kandungan Akhlak dan Muamalat 163

4.4.1 Mencintai Isteri 163

4.4.2 Sabar Menghadapi Bencana 166

4.4.3 Dunia Panggung Sandiwara 168

4.4.4 Larangan Berburuk Sangka 170

4.4.5 Pembersihan Hati 171

4.4.6 Akhlak Malu 172

4.4.7 Mendidik Anak 174

4.4.8 Berbakti Kepada Orang Tua 175

4.4.9 Jalan Lurus 177

4.4.10 Tanda Akhir Zaman 178

4.4.11 Memohon Perlindungan Allah 180

4.4.12 Merisaukan Sakaratul Maut 181

4.4.13 Nikmat Allah 182

4.4.14 Mencintai Anak Yatim 183

4.4.15 Menghentikan Penipuan 184

4.4.16 Jangan Putus Asa 186

4.4.17 Warisan Rasul 187

4.4.18 Peduli Urusan Umat Islam 188

4.5 Teks-teks Al-Quran dan Hadis dalam *Puisi dinyanyikan,*

nyanyian puisi Berdasarkan Kandungan Sejarah Umat
Terdahulu 190

4.5.1 Sejarah Nabi-nabi Terdahulu 190

4.5.1.1 Nabi Adam (a.s) 191

4.5.1.2 Nabi Idris (a.s) dan Nabi Hud (a.s) 193

4.5.1.3 Nabi Nuh (a.s) 197

4.5.1.4 Nabi Saleh (a.s) 200

4.5.1.5 Nabi Ibrahim (a.s) dan Nabi Ismail (a.s) 202

4.5.1.6 Nabi Lut (a.s) 207

4.5.1.7 Nabi Ishaq (a.s) dan Nabi Ya'qub (a.s) 209

4.5.1.8 Nabi Yusuf (a.s) 210

4.5.1.9 Nabi Ayyub (a.s) 214

4.5.1.10 Nabi Zulkifli (a.s) 215

4.5.1.11 Nabi Syuaib (a.s) 217

4.5.1.12 Nabi Khidir (a.s) 219

4.5.1.13 Nabi Musa (a.s) 222

4.5.1.14 Nabi Harun (a.s) 227

4.5.1.15 Nabi Daud (a.s) 229

4.5.1.16 Nabi Sulaiman (a.s)
\233

4.5.1.17 Nabi Ilyas (a.s) dan Nabi Ilyasa' (a.s) 238

4.5.1.18 Nabi Yunus (a.s) 240

4.5.1.19 Nabi Zakaria (a.s) dan Nabi Yahya (a.s) 242

4.5.1.20 Nabi Isa (a.s) 245

4.5.2	Sejarah Nabi Muhammad SAWS	247
4.5.2.1	Kelahiran Nabi Muhammad SAWS	248
4.5.2.2	Ringkasan Perjalanan Dakwah Nabi Muhammad SAWS	252
4.5.2.3	Sebuah Peristiwa dalam Dakwah Nabi Muhammad SAWS	255
4.5.2.4	Peristiwa Isra' Mi'raj	256
4.5.2.5	Pembukaan Makkah (Fathu Makkah)	259
4.5.2.6	Wahyu Terakhir	261
4.5.3	Sejarah yang Lain	263
4.6	Kesimpulan	264
BAB 5	KESIMPULAN DAN PENUTUP	266
5.1	Kesimpulan	266
5.2	Saran dan Cadangan	271
5.3	Kata Penutup	272
	BIBLIOGRAFI	273
	LAMPIRAN	281

**SENARAI SINGKATAN**

AWJ	<i>‘Azza Wa Jalla</i>
AS / (a.s)	<i>Alaihissalam (‘Alayhi al-Sala>m)</i>
Dr.	Doktor
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DKJ	Dewan Kesenia Jakarta
FBK	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Hlm.	Halaman
Hj.	Haji
H.R.	Hadis Riwayat
Hjh.	Hajjah
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
IKIP	Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan
IPB	Institut Pertanian Bogor
ITB	Institut Teknologi Bandung
JJ	<i>Jalla Jala>luhu</i>
K.H	Kyai Haji
No.	Nombor
Pentj.	Penterjemah
Prof.	Profesor
R.A / (r.a)	<i>radiyallahuanhu (rad}iya Alla>hu ‘anhu/ha)</i>
R.H / (r.h)	<i>rahimahullah (rah}imahu Alla>h)</i>
SAWS	<i>Shallallahualaihiwasallam (Salla Alla>hu ‘Alayhi wa Sallam)</i>
TIM	Taman Ismail Marzuki





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

T.th

Tanpa Tahun

T.tp

Tanpa Penerbit

UGM

Universitas Gadjah Mada

UI

Universitas Indonesia

UIN

Universitas Islam Negeri

UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia

UM

Universiti Malaya

UNDIP

Universitas Diponegoro

UNS

Universitas Negeri Sebelas Maret

UNPAD

Universiti Padjajaran

UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI TRANSLITERASI

A. PEDOMAN TRANSLITERASI

Transliterasi Arab-Latin dalam tesis ini berpedoman kepada buku *Transliterasi Kata Arab Parsi Turki* yang disusun oleh Muh}ammad Bukhari Lubis & Ali Haj Ahmad (2006), dengan senarai secara umum sebagai berikut:

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	--	د	d}
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z}
ث	th	ع	'
ج	j	غ	gh
ح	h}	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	Z	ن	n
س	S	و	w
ش	Sh	هـ / و	h
ص	s}	ء	'
		ي	y

B. PENGECUALIAN

Semua kata berbahasa Arab tunduk kepada pedoman transliterasi di atas kecuali beberapa hal di bawah ini:

1. Semua nama orang berkebangsaan Malaysia atau Indonesia yang berasal dari bahasa Arab tidak ditulis mengikuti pedoman transliterasi, akan tetapi ditulis sesuai ejaan aslinya, seperti: Abdurrahman Napiah, Taufiq Ismail, Wan Abdullah, Nasaruddin, dan lain sebagainya.
2. Kata-kata dari bahasa Arab yang telah diserap dalam bahasa Melayu dan sudah memiliki ejaan dalam bahasa Melayu serta dimaklumi secara luas ditulis mengikuti ejaan Melayu, misal: Al-Quran, Hadis, solat, soleh, ibadah, akidah, syariah, akhlak, muamalah, Rasulullah, rasul, muamalah, azab, azan, syahadah, syafaat, syirik, doa, imam, syeikh dan lain sebagainya.
3. Semua nama Nabi dan Rasul ditulis mengikuti ejaan Melayu.
4. Semua kata dan kalimat dari bahasa Arab yang termaktub dalam teks puisi ditulis mengikuti teks puisi.



BAB 1

PENDAHULUAN



Melalui *Wahyu al-qalam*, Mustafa Sadiq al-Rafi'i (r.h), sasterawan pengibar panji sastera Islam ternama di Mesir, menulis perbezaan ilmuwan dengan sasterawan. Ilmuwan menurut al-Rafi'i menyampaikan pemikiran. Sedangkan sasterawan menyampaikan pemikiran disertai dengan keindahan gaya seninya (al-Rafi'i, 2000: 191). Jadi sasterawan unggul satu langkah dibandingkan ilmuwan murni. Lebih dahsyat lagi jika seorang ilmuwan adalah juga sasterawan atau seorang sasterawan yang juga ilmuwan.

Ilmuwan yang sasterawan dan sasterawan yang ilmuwan adalah tradisi klasik Islam. Nabi Muhammad SAWS memiliki banyak penyair, yang juga ulama pembela Islam. Abu Bakr Al-Siddiq (r.a), seorang Sahabat paling utama adalah juga





seorang sasterawan, meskipun selama ini tidak dikenal sebagai sasterawan ataupun penyair. Namun puisi-puisi Abu Bakar berselerakan di banyak kitab Arab klasik. Belakangan ini, Ra>ji> al-Asmar mentah^{hiq} manuskrip Di>wan Abi> Bakr al-S^{jiddi}q atau Antologi puisi-puisi Abi> Bakr al-S^{jiddi}q yang dikeluarkan dari manuskrip al-Maktabah al-T}>a>hiri>yyah, Damsyik.

‘A^{ishah} (r.a), puteri Abu> Bakr (r.a) yang tiada lain adalah isteri Nabi Muh}>ammad SAWS ternyata juga banyak m emiliki puisi yang sangat bernilai sastera. ‘Ali ibn Abi> T}>a>lib (r.a) sebagai menantu Nabi Muhammad SAWS, sangat terkenal kerana puisi dan nasihatnya yang selain dalam maknanya juga tinggi nilai sasteranya. Kalimat-kalimat sasterawi ‘Ali ibn Abi> T}>a>lib (r.a) antaranya boleh dilihat dalam kitab Nahj al-bala>ghah. Selain itu, Imam al-Sha>fi‘i>, Imam Ibn al-Muba>rak, Imam Ibn H}>ajar al-‘Asqala>ni>, dan para imam lainnya dari kalangan salaf adalah ulama yang juga sasterawan.

Maka, sastera Islami sesungguhnya secara *de facto* sudah hadir bersamaan dengan turunnya Al-Quran. Kehadiran Al-Quran menjadi inspirasi utama yang mempengaruhi budaya umat manusia, termasuk dalam hal bersastera. Al-Quran telah memberikan kesan baru, iaitu pengaruh tauhid, sebab melalui Al-Quran muncul Hadis Nabi Muh}>ammad SAWS. Fungsi Hadis Nabi SAWS di antaranya adalah sebagai penghurai makna Al-Quran, dan contoh nyata atas pengamalan Al-Quran (al-Khat}>i>b, 1991 : 29).

Pada masa itu, merupakan zaman generasi awal Islam, tidak dibincangkan istilah sastera Islami, sebab sastera telah menyatu begitu sahaja secara alamiah dalam





diri umat Islam. Sebagaimana masa itu, juga tidak dibincangkan tentang ilmu tajwid, kerana ilmu tajwid telah menyatu saat mereka membaca Al-Quran. Ketika itu tidak dibincangkan juga syarat dan kaedah sebuah puisi boleh disebut Islami, sebab para penyairnya sudah secara automatik tahu dan mempraktikkan Islam dalam kehidupan mereka, termasuk bersastera. Kalau sesekali ada sasterawan menyampaikan syair tidak selari dengan Islam, maka secara automatik akan muncul kritikan dan pelurusan dari para sasterawan lain atau ulama lain zaman itu. Nyawa Islam dan nyawa sastera menyatu padu ketika itu.

Dan sekarang, masyarakat Islam merindukan roh Islam yang menyatu dengan roh seni yang indah, termasuk seni sastera. Menyatu dalam makna yang sebenarnya, dalam kehidupan nyata. Persis, seperti yang disampaikan Muh}ammad Qut}b (r.h)



dalam bukunya *Manhaj al-fann al-Islami*.

Dan masalah (kita), sangat memerlukan adanya orang-orang Muslim yang seniman. Orang-orang Muslim yang hidup dengan Islam dengan derianya secara nyata. Yang menyikapi hidup dengan rasa Islami, dari sudut pandang yang Islami. Yang pada waktu yang sama, mereka juga seniman. Mereka mengekspresikan realiti hidup yang mereka rasakan dengan sentuhan keindahan yang memenuhi segala standard keindahan estetika. Dua unsur: ke-Islaman dan keindahan menyatu dalam satu waktu (Qut}b, 2006: 181).

Hal itu tentulah harapan yang tidak mudah terpenuhi. Sebab tidak sedikit sasterawan Muslim sendiri yang *skeptis* atau ragu-ragu dengan adanya sastera Islam. A.A. Navis, bahkan pernah berceramah di Masjid Azhar, IKIP Padang (sekarang Universitas Negeri Padang) pada tarikh 28 Mei 1986 dengan tajuk: *Sastera Islam: Suatu Utopia?*. Dalam ceramah itu A.A. Navis cenderung kurang setuju adanya sastera Islam. Kalau pun masyarakat Islam memang memerlukan sastera Islam



sebagaimana yang dicita-citakan Shahnnon Ahmad, maka A.A. Navis mensyaratkan adanya perubahan sikap para ulama dari konservator menjadi inspirator atau motivator yang moderat (Navis, 1999: 339). Padahal sejarah mencatat bahawa sastra Islam tidak boleh dilepaskan dari dakwah Islam. Dan tidak kurang motivasinya dari para Sahabat Nabi SAWs, dan juga para ulama agar umat Islam menguasai bahasa yang indah sebagai bahasa yang bersastra.

Jika ada yang mendefinisikan sastra Islam ialah “sastra sebagai ibadah,” (Shahnnon Ahmad, 1983: 47–50; Navis, 1999: 338) maka karya-karya Taufiq Ismail, salah seorang sastrawan ternama Indonesia, boleh dimasukkan dalam jenis sastra Islam. Taufiq Ismail yang digolongkan oleh HB. Jassin (1988) sebagai salah seorang Pelopor Angkatan '66 dapat dimasukkan dalam kumpulan sedikit daripada masyarakat Muslim yang memenuhi harapan Muhammad Qutub. Sebagai seorang Muslim yang menghayati Islam dengan segala derianya, dan memiliki kemampuan mengekspresikan penghayatannya dengan keindahan estetik.

Telah ramai sarjana dan kritikus sastra yang membincangkan ketokohan Taufiq Ismail sebagai sastrawan terkemuka Indonesia. Dalam kulit buku *Mengakar ke bumi menggapai ke langit 1: himpunan puisi 1953-2008*, A. Teeuw, pengkritik sastra ternama dari Belanda, memuji, “Suara Taufiq Ismail sangat nyaring di tengah-tengah paduan suara *polifonis* persajakan Indonesia dewasa ini”.

Di kulit buku yang sama, Sapardi Djoko Damono memuji,

Taufiq Ismail adalah orang yang tidak sabar menghadapi pelbagai masalah – dengan kata lain, dengan muda orang terlibat secara emosional dalam menghadapi masalah. Namun dalam puisi ia ternyata mampu meredam kelemahan puisi berkata penguasaan bahasanya yang

unggul. Nilai itulah yang menempatkannya sebagai salah seorang penyair terkemuka kita.

Adapun Iwan Simatupang dalam salah satu surat kesaksiannya atas peristiwa sejarah Indonesia dari 2 Januari 1965 – Mei 1966, menulis testimoni tentang Taufiq Ismail pada tarikh 27 Mac 1966:

“Aku sangat bangga pada Taufiq ini!
Dari dulu, aku sangat mengagumi “anak Pekalongan” ini.
Intensiti puisinya sungguh sangat mengagumkan.
Tanggapan artistiknya sangat peka dan liris.
Kukira, sesudah Asrul Sani, penyair kita yang mempunyai lirik
Yang demikian halus dan anggunnya, adalah Taufiq Ismail”
(Simatupang, 2013: 236).

Pujian lainnya daripada para tokoh dalam bidang kesusasteraan Indonesia sangat banyak jumlahnya. Taufiq Ismail juga mendapat berbagai-bagai penghargaan dalam bidang sastra, seni dan budaya, dari dalam dan luar negara, iaitu Anugerah Seni dari Pemerintah Republik Indonesia (1970), *Cultural Visit Award* Pemerintah Australia (1977), *South East Asia Write Award* dari Kerajaan Thailand (1994), Penulisan Karya Sastra dari Pusat Bahasa Depdikbud RI (1994), Sasterawan Nusantara dari Negeri Johor, Malaysia (1999), Penghargaan dari Presiden Megawati Soekarnoputri untuk dedikasi dan aktiviti antinarkoba (2003), Pedati Award dari Pemerintah Kota Bukittinggi, Sumatera Barat (2007), Habibie Award untuk prestasi sastra dari *The Habibie Centre* (2007) serta Penghargaan dan Apresiasi dari Kementerian Pendidikan Tinggi Mesir, dengan menerbitkan kumpulan puisinya dalam bahasa Arab (2013).

Keistimewaan Taufiq Ismail lainnya, ternyata Taufiq Ismail adalah sasterawan penyeru tauhid, atau dalam istilah bahasa jelasnya adalah sasterawan yang juga pendakwah. Hal itu seperti yang disampaikan Suminto A. Sayuti:

Bagi Taufiq, standar pokok dalam estetika kesenian, juga dalam kesusasteraan adalah “mengingatkan para pembacanya kepada Sang Pencipta”. Dengan demikian, dalam ekspresinya karya tersebut mampu membuat seseorang untuk ingat tiada putus-putusnya kepada Allah SWT, bahawa Dia itu Satu, Tidak berbilang. Esa sebenar-benar Esa. Dia ada, sebelum kata ada itu ada, dan akan tetap ada sesudah kata ada itu tiada (Sayuti, 2005: 25).

Para pengkritik sering membincangkan bahawa Taufiq Ismail banyak menyorot masalah sosial, politik dan sejarah dalam sajak-sajaknya. Sebenarnya, masalah-masalah ke-Islaman atau ajaran Islam pun tidak luput dari jalinan indah puisinya. Taufiq mampu mendekatkan puisi-puisi keagamaannya ke relung hati masyarakat dengan kemasan bahasanya yang *lugas* tetapi indah dan enak untuk dinyanyikan. Puluhan puisi Taufiq pun telah dinyanyikan oleh pemuzik terkemuka Indonesia seperti Bimbo bersaudara, Chrisye, Pongky Manulang, Hadad Alwi dan Debby Nasution. Yang paling banyak dinyanyikan adalah melalui Bimbo bersaudara.

Oleh sebab itu, mungkin antara penyair Indonesia, Taufiq Ismail-lah penyair yang bait-bait puisinya paling akrab dengan masyarakat Indonesia. Misalnya puisi-puisi bertajuk “Rindu Rasul”, “Sajadah panjang”, “Ada anak bertanya pada bapanya”, “Aisyah adinda kita”, “Gerbang keampunan” dan “Jangan ditunda-tunda”.

Puisi-puisi itu tersaji dengan citraan yang kental melalui ajaran Al-Quran dan Hadis. Dan masyarakat luas sangat menikmatinya, kerana sajiannya yang cantik dan artistik, serta dinyanyikan oleh Bimbo bersaudara dengan sangat elegan. Sajak-sajak



itu tampak bersahaja, tetapi hidup dan menggetarkan. Maka harapan Muh}ammad Qut}b akan hadirnya seorang Muslim juga seniman yang memiliki dua unsur; ke-Islaman dan keindahan menyatu dalam satu waktu, boleh dikatakan terpenuhi dalam diri Taufiq Ismail.

Karya sastra tidak lahir dari kekosongan budaya (Teeuw, 1983: 65). Maka puisi-puisi keagamaan Taufiq Ismail tidak lahir begitu sahaja. Pastilah ada pengaruh dari teks-teks lain sebelumnya sebagai tipa induk atau hipogramnya.¹ Dan bagi seorang Muslim, teks-teks yang sangat dekat dengannya adalah Al-Quran dan Hadis, kerana Al-Quran dan Hadis adalah pedoman hidupnya yang paling utama. Oleh sebab itu, sangat menarik untuk mengkaji kewujudan teks-teks Al-Quran dan Hadis dalam puisi-puisi Taufiq Ismail dalam adanya kerangka fenomena intertekstualiti, dengan tujuan untuk mengungkap makna yang lebih dalam dan luas puisi-puisi tersebut, khususnya puisi-puisi keagamaan Taufiq Ismail yang telah dilagu dan dinyanyikan.

1.2 Permasalahan Kajian

Taufiq Ismail adalah penyair besar Indonesia (Sayuti, 2005: 7). Ratusan sajak, bahkan mungkin mendekati seribuan sajak telah ditulisnya. Sajak-sajaknya antaranya dihimpun dalam buku *Mengakar ke bumi, menggapai ke langit 1*. Buku itu adalah setebal 1076 halaman yang menghimpunan puisi yang ditulisnya dalam kurun waktu 1953 sampai 2008. Sementara puisi yang beliau tulis dari tahun 2008 sehingga sekarang tidak terhitung di dalamnya.

¹ Tentang *hipogram* dibahas dalam huraian tentang teori intertekstualiti dalam BAB III.



Tidak hanya menulis puisi, salah satu pendiri majalah sastra *Horison* (1966) ini, juga menulis cerpen, drama, esei serta kolum dengan lanskap tema yang cukup melimpah dan beragam. Taufiq Ismail juga menterjemahkan puisi, cerpen dan buku Islam. Dia dapat dikatakan penulis dan editor produktif yang telah menerbitkan 14 tajuk buku (Zon, dalam Taufiq Ismail, 2008: ix).

Sebagai salah seorang sasterawan legendaris Indonesia, tentu penyelidikan puisi-puisi Taufiq Ismail sudah banyak dilakukan. Hanya sahaja, belum ramai yang mengkaji puisi-puisi Taufiq Ismail dengan tujuan untuk menempatkannya sebagai salah seorang tokoh sastra Islam secara lebih terang-terangan. Meskipun tanpa ditonjol-tonjolkan Taufiq Ismail tetaplah tokoh penting dalam sastra Islam Indonesia.

Dari sekian banyak kajian terhadap puisi-puisi Taufiq Ismail, belum ada yang mengkaji hubungannya secara intertekstualiti dengan Al-Quran dan Hadis, yang dari pengkajian secara intertekstualiti itu akan terungkap makna yang lebih utuh dan lebih kaya. Pemahaman secara intertekstualiti bermaksud untuk menggali secara maksimum makna-makna yang terkandung dalam sesebuah teks. Sebab sesebuah karya boleh dibaca dan dinikmati dengan menghubungkan secara positif dan negatif dengan sebuah teks lain; tegasnya teks luaran boleh membantu dalam memberi makna serta memperkuat pengertian yang hendak disampaikan oleh seorang pengarang.

Lebih penting lagi, banyak puisi Taufiq Ismail yang dijadikan sebagai lagu dan dinyanyikan. Atau memang puisi itu sejak awal dibuat untuk dijadikan lagu. Hampir semuanya itu adalah puisi-puisi bernuansa Islami yang memiliki peminat cukup luas di Indonesia dan Asia Tenggara. Perlu adanya sebuah kajian



intertekstualiti yang menjelaskan tipa induk atau hipogram dari puisi-puisi Taufiq Ismail itu yang berwujud teks-teks Al-Quran dan Hadis. Dari pengkajian itu akan terdedahkan bagaimana Taufiq Ismail memindahkan atau menjelmakan sesuatu teks dari Al-Quran dan Hadis kepada teks lain, iaitu puisi-puisinya. Juga bagaimana Taufiq Ismail melakukan penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks dari Al-Quran dan Hadis kepada teks puisi-puisinya dan sebagainya.

Oleh sebab itu, pengkajian secara sungguh-sungguh telah menggunakan prinsip-prinsip intertekstualiti itu agar dapat mengungkapkan makna-makna yang mungkin baharu, atau makna-makna yang tidak terfikirkan sebelumnya. Sehingga itu semua akan membantu khalayak ramai agar dapat lebih menghayati pesan-pesan daripada puisi-puisi Taufiq Ismail itu lebih mendalam. Jika pengkajian semacam itu tidak dilakukan, dikhuatirkan puisi-puisi Taufiq Ismail yang sudah dekat dengan orang ramai itu hanya dekat di telinga sahaja tetapi tidak tertangkap secara utuh kedalaman dan kekayaan maknanya di dalam hati.

Maka daripada itu, permasalahan tersebut pengkaji tertarik untuk melakukan kajian lebih mendalam dengan satu tajuk: **Teks-teks Al-Quran dan Hadis dalam Kumpulan *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* Karya Taufiq Ismail: Satu Kajian Intertekstualiti.**

1.3 Objektif Kajian

Secara ringkasnya, kajian ini dilakukan dengan beberapa tujuan seperti yang dinyatakan seperti di bawah:





- i) Mengenal pasti teks-teks Al-Quran dan Hadis sebagai tipa induk atau hipogram daripada teks-teks puisi dalam kumpulan *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* karya Taufiq Ismail.
- ii) Menghuraikan lapis-lapis makna atau kekayaan makna puisi-puisi *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* melalui prinsip-prinsip intertekstualiti.
- iii) Mengenal pasti prinsip intertekstualiti yang berlaku dalam teks-teks kumpulan puisi *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* karya Taufiq Ismail.

1.4 Soalan Kajian



05 Berdasarkan tujuan di atas, maka kajian ini tertumpu untuk menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- i) Apakah wujud teks-teks Al-Quran dan Hadis yang menjadi hipogram daripada teks-teks kumpulan *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* karya Taufiq Ismail ?
- ii) Prinsip intertekstualiti apakah yang berlaku dalam hubungan intertekstualiti antara teks-teks *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* dengan teks-teks Al-Quran dan Hadis?
- iii) Kekayaan makna apa yang dapat dihadirkan dalam proses hubungan antara teks tersebut?

1.5 Kepentingan Kajian





Dengan mengkaji hubungan intertekstualiti antologi puisi *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* karya Taufiq Ismail dengan teks-teks Al-Quran dan Hadis, diharapkan hasil penyelidikan ini dapat membantu khalayak ramai dalam menggali kekayaan makna yang terkandung dalam *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* karya Taufiq Ismail.

Penelitian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat berharga tentang bagaimana seorang sasterawan Taufiq Ismail berinteraksi dengan Al-Quran dan Hadis, sehingga mampu melahirkan karya-karya yang bermanfaat, kerana ketika mengkaji sesebuah teks dengan prinsip-prinsip intertekstualiti akan dilihat bagaimana kewujudan sesebuah teks lain dalam teks tersebut. Dalam hal ini kewujudan teks-teks Al-Quran dan Hadis dalam teks-teks puisi yang termaktub dalam *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi*. Akan dibedah bagaimana pengarang melakukan penyerapan, pemindahan, penjelmaan, pindaan, pengubahsuaian dan seterusnya atas teks-teks Al-Quran dan Hadis ke atas teks-teks puisinya.

Dengan demikian penelitian ini wujudnya kekayaan makna yang terkandung dalam *Puisi dinyanyikan, nyanyian puisi* dapat didedahkan. Nilai-nilai Islam yang tertanam dalam kumpulan puisi itu juga dapat dihadirkan, sehingga manfaat puisi-puisi yang telah dinyanyikan itu lebih dirasakan, tidak hanya sebagai hiburan sahaja.

Selain itu, kajian ini juga akan semakin mempertegas bahawa sasterawan Melayu tidak boleh dilepaskan daripada Al-Quran dan Hadis. Perkara ini akan semakin memperkuat bahawa Melayu dan Islam tidak boleh dipisahkan antara satu

